

PENGUKURAN EKONOMI SEMPADAN

MALAYSIA-THAILAND:

KAJIAN KES SG. KOLOK-RANTAU PANJANG

ABDUL RAHIM ANUAR

AZHAR HARUN

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

2014

PENGAKUAN TANGGUNGJAWAB

Kami, dengan ini, mengaku bertanggungjawab di atas ketepatan semua pandangan, komen teknikal, laporan fakta, data, gambarajah, ilustrasi, dan gambar foto yang telah diutarakan di dalam laporan ini. Kami bertanggungjawab sepenuhnya bahawa bahan yang diserahkan ini telah disemak dari aspek hak cipta dan hak keempunyaan. Universiti Utara Malaysia tidak bertanggungan terhadap ketepatan mana-mana komen, laporan, dan maklumat teknikal dan fakta lain, dan terhadap tuntutan hak cipta dan juga hak keempunyaan.

We are responsible for the accuracy of all opinion, technical comment, factual report, data, figures, illustrations and photographs in the article. We bear full responsibility for the checking whether material submitted is subject to copyright or ownership rights. UUM does not accept any liability for the accuracy of such comment, report and other technical and factual information and the copyright or ownership rights claims.

Ketua penyelidik:

Nama: ABDUL RAHIM ANUAR

Ahli:

Nama: AZHAR HARUN

PENGHARGAAN

Kami ingin merakamkan terima kasih kepada Universiti Utara Malaysia kerana menyediakan geran LEADS untuk projek penyelidikan ini. Kami juga merakamkan terima kasih kepada agensi kerajaan khususnya Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kelantan yang membekalkan maklumat dan data untuk menyiapkan projek ini. Tidak ketinggalan, kami merakamkan berbanyak terima kasih kepada Siti Hajar Mat Isa atas sumbangannya dalam menyiapkan laporan penyelidikan ini.

The authors would like to thank Universiti Utara Malaysia for providing LEADS grant for this project. The authors would also like to express their deepest gratitude to government agencies, in particular the Royal Department of Customs and Excise in providing information and statistics to complete this project. Finally, many thanks also to Siti Hajar Mat Isa who contributed toward the completion of this project.

ABSTRAK

Pekan di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand selalu dikaitkan dengan wilayah mundur dan berpendapatan rendah. Ini adalah kerana dasar pembangunan di kawasan sempadan lebih berteraskan pertahanan dan keselamatan berbanding pertimbangan ekonomi. Struktur ekonomi dan perdagangan lintas sempadan pekan Sg. Kolok dan Rantau Panjang dikaji dengan objektif untuk mengukur kegiatan ekonomi lintas sempadan dan kesannya kepada penduduk tempatan khususnya dari segi peluang pekerjaan dan pembasmian kemiskinan. Pekan sempadan Sg. Kolok dan Rantau Panjang adalah pusat membeli belah di kalangan pelancong tempatan dan asing dan berpotensi menjadi pusat lintas pelancongan sempadan utama di sempadan Malaysia-Thailand. Pelan pembangunan Koridor Ekonomi Wilayah Timur yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia dan *Southern Border Provinces Special Zone Development* oleh kerajaan Thailand dapat memampam pembangunan ekonomi lintas sempadan pada masa depan. Jaminan keselamatan di Selatan Thailand akan merancak semula aktiviti ekonomi di pekan Rantau Panjang-Sg. Kolok. Ini mempunyai kesan limpahan ekonomi ke atas wilayah sempadan itu dengan menjana peluang ekonomi, pekerjaan dan pendapatan dalam wilayah tersebut..

Towns along the Malaysia-Thailand border has always been associated with backwardness and low-income regions. This is mainly because policy development in the border regions is based more on defence and security over economic considerations. Economic structures and cross-border trade town of Sg. Kolok and Rantau Panjang are examined with the objective to measure the cross-border economic activity and its impact on the local population, particularly in employment opportunities and poverty eradication. Both towns are a shopping haven among local and foreign tourists and have the potential to become leading cross-border tourism of Malaysia-Thailand border. The Eastern Corridor Economic Region development plan implemented by the Malaysian government and the Southern Border Provinces Special Zone by the Thailand government can sustain cross-border economic development in the future. Security assurance in Southern Thailand will intensify the economic activities in the town of Rantau Panjang and Sg. Kolok. This has spill over effect in the border area by creating economic opportunities, employment and income in both area.

KANDUNGAN

PENGAKUAN TANGGUNGJAWAB	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
KANDUNGAN.....	iv
SENARAI JADUAL.....	vi
SENARAI PETA	vii
SENARAI RAJAH	viii
1.PENGENALAN.....	1
1.1 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2 Objektif Penyelidikan.....	2
1.3 Metode Kajian	2
1.4 Limitasi Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian.....	6
1.6 Organisasi Kajian	7
2. SOROTAN KAJIAN	8
2.1 Pekan sempadan Thailand-Malaysia.....	8
2.2 Danok-Bukit Kayu Hitam	10
2.3 Wang Kelian-Wang Prachan.....	11
2.4 Rantau Panjang-Sg. Kolok	14
2.5 Rumusan.....	16

3. EKONOMI LINTAS SEMPADAN.....	18
3.1 Lokasi Kajian	18
3.2 Profil Sosioekonomi	21
3.3 Pekan Rantau Panjang.....	24
3.4 Pelancongan di Rantau Panjang	26
3.5 Aktiviti Penyeludupan.....	27
3.6 Pekan Sg. Kolok	29
3.7 Pas Sempadan.....	30
3.8 Dagangan Lintas Sempadan Rantau Panjang-Sg. Kolok	31
3.9 Rumusan.....	34
4. DAPATAN KAJIAN	35
4.1 Struktur Dagangan Lintas Sempadan	35
4.2 Penyeludupan	36
4.3 Impak Ekonomi	37
4.4 Gunatenaga.....	38
4.5 Pendapatan dan Kemiskinan	39
4.6 Zon Ekonomi Sempadan Istimewa	42
4.7 Rumusan.....	43
5. KESIMPULAN	44
RUJUKAN	49

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Bilangan Penduduk Jajahan Pasir Mas, 2010.....	22
Jadual 2: Struktur pengeluaran negeri Kelantan, RM juta (pada harga malar 2000)...	22
Jadual 3: Bilangan penduduk di Narathiwat	23
Jadual 4: Struktur Pengeluaran Narathiwat, 2004.....	24
Jadual 5: Ketibaan Pelancong ke Jajahan Pasir Mas dan Rantau Panjang	27
Jadual 6: Malaysia - Ekspor dan Import Malaysia ke dan dari Thailand	31
Jadual 7: Thailand - Ekspor dan Import Thailand ke dan dari Malaysia, RM juta.....	32
Jadual 8: Malaysia: Kutipan cukai di ZBC Rantau Panjang.....	33
Jadual 9: Nilai Rampasan Barang Penyeludupan antara Sg. Kolok dan Ranjang ...	37
Jadual 10: Kelantan: Pendapatan kasar bulanan isi rumah purata (RM), 1970-2012.	40
Jadual 11: Kadar kemiskinan di Rantau Panjang.....	41

SENARAI PETA

Peta 1: Kelantan, Jajahan Pasir Mas dan Pekan Rantau Panjang	19
Peta 2: Narathiwat dan Pekan Sg. Kolok	20
Peta 3: Lokasi Pekan Mundok yang bersaing dengan Zon Bebas Cukai Rantau Panjang.....	26
Peta 4: Koridor pelancongan Rantau Panjang-Pasir Mas – Kota Bharu – Pengkalan Kubor	42

SENARAI RAJAH

Rajah 1: Jambatan Sg. Sg. Kolok-Rantau Panjang	21
Rajah 2: CIQ Rantau Panjang dan Sg. Kolok	25
Rajah 3: Jalan tikus ke Pekan Sg, Kolok dari Rantau Panjang	28
Rajah 4: Pekan Sg. Kolok	30

1. PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Teras utama dalam pembangunan wilayah ialah untuk mencapai pembangunan ekonomi yang berimbang antara negara dan wilayah atau antara pusat (*core*) dan pinggir (*periphery*). Pembangunan yang berimbang boleh menarik masuk pelaburan ke wilayah pinggir. Aliran masuk modal itu akan mencipta peluang ekonomi dan pekerjaan justeru meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan.

Pembangunan di wilayah sempadan adalah berbeza daripada rancangan pembangunan umum kerana kedudukannya yang berada di sempadan secara sendirinya menjadikan ia penting untuk dibangunkan oleh kerajaan untuk tujuan keselamatan dan pertahanan berbanding tujuan ekonomi. Dari segi ekonomi, sempadan menghalang aliran barang dan mobiliti manusia, mengekalkan perbezaan antara upah, harga tanah dan kesaksamaan lain antara negara yang berjiran atau yang berkongsi sempadan.

Terdapat 8 pekan lintas sempadan antara Malaysia dan Thailand - Wang Kelian (Perlis)/Wang Prachan (Thailand), Padang Besar (Perlis)/Satun (Thailand), Bukit Kayu Hitam (Kedah)/Sadao (Thailand), Durian Burong (Kedah)/Ban Prakob (Thailand), Pengkalan Hulu (Perak)/Betong (Thailand), Rantau Panjang (Kelantan)/Sg. Kolok (Thailand), Bukit Bunga (Kelantan)/Ban Buketa (Thailand) and Pengkalan Kubur (Kelantan)/Tak Bai (Thailand). Pekan sempadan itu kurang

membangun berbanding wilayah yang berada atau berhampiran dengan pusat. Lapan pintu masuk dan keluar antara Malaysia dan Thailand merupakan get laluan utama bagi penduduk utara Semenanjung dan Selatan Thailand dan laluan komersial antara peniaga Malaysia dan Thailand.. Peningkatan pembangunan ekonomi di wilayah sempadan boleh mengeratkan kerjasama ekonomi lintas sempadan. Oleh itu, memahami latar belakang ekonomi sempadan dan kelebihan komparatif antara wilayah sempadan adalah antara pendekatan pembangunan strategik untuk menjamin perkembangan pembangunan ekonomi lintas sempadan.

1.2 Objektif Penyelidikan

Kajian ini bersifat kajian kes dengan menumpukan pekan sempadan Sg. Kolok (Narathiwat/Thailand) dan Rantau Panjang (Kelantan/Malaysia). Objektif kajian ialah untuk:

1. memahami struktur daganganlintas sempadan
2. mengukur impak ekonomi lintas sempadan ke atas gunatenaga dan kemiskinan, dan
3. membangunkan Zon Ekonomi Sempadan Istimewa.

1.3 Metode Kajian

Metode kajian pada asalnya ialah menggunakan pakai pendekatan survei ke atas isi rumah, peniaga, dan pelancong untuk mencapai objektif kajian. Bagaimanapun

metode asal kajian terpaksa dipinda dan gantikan dengan maklumat dan data sekunder yang diterbitkan oleh agensi pelaksana dalam pentadbiran wilayah sempadan. Perubahan pendekatan kajian dilakukan kerana penyelidik berdepan dengan kesukaran untuk mendapat kerjasama daripada responden di Sg. Kolok dan Rantau Panjang, lebih-lebih lagi di sebelah Thailand.

Penyelidik juga berdepan dengan masalah akses sumber data primer dan sekunder yang terhad dari agensi kerajaan Thailand dan Malaysia atas alasan kerahsiaan maklumat. Maklumat di kawasan sempadan selalunya dikaitkan dengan isu keselamatan, lebih-lebih lagi di pihak Thailand yang situasi politik di Selatan Thailand adalah tidak stabil, khususnya di Sg. Kolok yang sering berlaku pengeboman yang dijalankan oleh pihak pemisah. Penyelidik sendiri berdepan masalah keselamatan apabila menjalankan kerja lapangan di Sg. Kolok, Narathiwat kerana Selatan Thailand masih diisyiharkan sebagai kawasan darurat.

Unit analisis kajian asal yang dicadangkan oleh penyelidik juga dipinda kerana kesukaran untuk mendapat maklumat sekunder. Data asal yang dimaksudkan itu ialah pemilikan dan agihan tanah, situasi pengeluaran dalam sektor pertanian, situasi pasaran buruh dan mobiliti, upah dan gunatenaga dalam sektor bukan ladang dan di luar ladang, akses kepada pasaran dan pembiayaan dagangan, dan sekuriti makanan dan status kemiskinan. Maklumat tersebut hanya boleh dilakukan menerusi survei. Bagaimanapun, seperti yang bincangkan, tiada kerjasama yang daripada sampel kajian

(responden) apabila kaji selidik rintis dijalankan dan penyelidik perlu menggunakan data proksi daripada data sekunder yang diterbitkan.

Limitasi dan kerahsiaan data di kawasan kajian telah mendorong penyelidik menggunakan data sekunder yang bersifat agregat atau makro yang meliputi, penduduk, struktur ekonomi, aliran keluar-masuk individu di sempadan, dan eksport dan import. Data sekunder itu diperoleh dari penerbitan statistik atas talian agensi dan/atau maklumat yang dibekalkan (setelah mendapat keizinan) oleh agensi berkaitan di Thailand dan Malaysia. Proses untuk mendapat maklumat dari agensi berkaitan di Thailand dan Malaysia adalah lama, antara 3-6 bulan kerana melalui pelbagai peringkat kelulusan. Agensi yang terlibat dalam kajian ini adalah:

1. Jabatan Perangkaan Malaysia
2. Jabatan Kastam Diraja Malaysia
3. Jabatan Imigresen Malaysia
4. Majlis Daerah Pasir Mas
5. Sungai Kolok Municipality Office
6. Sungai Kolok Customs House, Narathiwat, Thailand
7. Sungai Kolok Immigration Checkpoint, Sungai Kolok, Narathiwat, Thailand
8. National Statistical Office, Songkhla, Thailand

Penyelidik juga membuat pengamatan dan pemerhatian secara langsung di kawasan kajian khususnya di pekan dan CIQ Sg. Kolok dan Rantau Panjang untuk mengenali

dengan lebih dekat profil sosial dan ekonomi kawasan kajian. Ini boleh mengukuh lagi analisis kajian.

Dari segi teori, penyelidik mengguna teori perdagangan antarabangsa berdasarkan kelebihan komparatif untuk menerangkan sistem ekonomi perdagangan lintas sempadan antara Sg. Kolok dengan Rantau Panjang.

1.4 Limitasi Kajian

Kajian ini dikekang oleh akses sumber data yang terhad kerana tiada data bank khusus di peringkat wilayah sempadan. Akses maklumat juga dihadkan oleh kerahsiaan kerana wilayah sempadan selalunya dikaitkan dengan isu keselamatan negara masing-masing. Jika sumber data boleh diakses atas talian namun atau laman web agensi yang berkaitan, data tersebut adalah tidak terkini. Sebagai alternatif, data sekunder dipinjam dari kajian diekstrapolasi untuk menunjukkan senario semasa. Perolehan maklumat sekunder dari agensi yang berkaitan di Malaysia dan Thailand juga mengambil masa lama untuk mendapat maklum balas dan ada kalanya tiada respons dari agensi yang berkaitan.

1.5 Kepentingan Kajian

Sumber data yang terhad berkaitan sosial dan ekonomi di wilayah sempadan mencerminkan yang wilayah itu kurang mendapat perhatian dalam arus pembangunan negara masing-masing. Pembangunan wilayah sempadan selalu dilihat dari perspektif keselamatan dan pertahanan. Hala tuju dasar pembangunan untuk wilayah sempadan boleh tersasar apabila menggunakan maklumat yang terhad dan tidak terkini. Akses maklumat dan data ke atas wilayah sempadan adalah penting dan wajar diperluaskan bagi membolehkan hala tuju pembangunan wilayah sempadan adalah betul dan memanfaatkan pemegang taruh dalam wilayahnya.

Oleh itu, bank data untuk wilayah sempadan perlu diwujudkan dan dikemas kini dari masa ke masa. Dasar pembangunan yang betul akan dapat memajukan wilayah sempadan yang mundur dan mengimbangkan pembangunan antara wilayah iaitu antara ‘pusat’ (*core*) dan pinggir (*periphery*). Ini akan memanfaatkan semua pemegang taruh dalam wilayah sempadan dari segi peluang pekerjaan, pendapatan dan pelaburan pada jangka panjang.

1.6 Organisasi Kajian

Laporan penyelidikan ini dibahagikan kepada 5 bahagian. Pengenalan kajian adalah dalam Bahagian 1. Bahagian 2 mengulas kajian lepas yang berkaitan dengan wilayah sempadan Malaysia dan Thailand. Profil ekonomi lintas sempadan dibincangkan dalam Bahagian 3. Bahagian 4 membincangkan dapatan kajian. Bahagian 5 ialah kesimpulan kajian.

2. SOROTAN KAJIAN

Bahagian ini mengulas beberapa kajian terpilih yang berkaitan dengan penyelidikan ini. Antaranya ialah Johan dan Mohamad (2010), Abdul Rahim, Muszafarshah dan Amel (2014), Mat Som, Mohamed dan Wong (2005), Fauzi, Husin, dan Selamat (2013), Asan, Abu Sufian, dan Tuan Marina (2009), Saru (2012), Endi dan Ratnawati (2012), Nurul, Evan dan Shazali (2012), Noor Rahamah et. al. (2012), Abd Hair (2013), Ramli dan Ahmad (2007), dan Thirunaukarasu, Evelyn dan Sivachandralingam (2013). Kajian pekan sempadan Thailand-Malaysia secara umum telah dianalisis oleh Johan dan Mohamad (2010) berbanding kajian lain yang memilih pekan sempadan sebagai kajian kes.

2.1 Pekan sempadan Thailand-Malaysia

Johan dan Mohamad (2010) mengkaji secara deskriptif perkembangan semua pekan lintas sempadan antara Thailand dan Malaysia dari aspek industri pelancongan dengan fokus kepada konsep dan pengertian pelancongan lintas sempadan, dasar-dasar kerajaan Malaysia terhadap pembangunan di kawasan sempadan, keadaan semasa aktiviti pelancongan di beberapa pintu masuk utama sempadan Malaysia dan Thailand, potensi-potensi yang boleh diceburi dan dibangunkan pada masa depan oleh kedua-dua pihak di samping isu-isu yang menjadi halangan dalam pembangunan pelancongan di kawasan ini. Mereka juga menggunakan data sekunder untuk menilai ciri pelancong dan corak pelancongan lintas sempadan di pintu masuk Malaysia-

Thailand yang utama iaitu Langkawi-Satun, Wang Kelian-Wang Prachan, Padang Besar-Padan Basa (Sadao), Bukit Kayu Hitam – Ban Danok, Durian Burong – Ban Prakop, Pengkalan Hulu – Betong, Bukit Bunga – Ban Buketa, Rantau Panjang- Sg. Kolok dan Pengkalan Kubur-Tak Bai.

Rumusan yang boleh dibuat daripada kajian Johan dan Mohamad (2010) ialah semenjak tahun 1980an, industri pelancongan di Malaysia memperlihatkan perkembangan yang memberangsangkan. Kerajaan memberikan perhatian yang serius kepada sektor ini disebabkan kemampuannya dalam menyumbangkan pendapatan kepada negara di samping meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat. Penggubalan beberapa dasar yang mesra pelancongan, kestabilan politik dan ekonomi, kekuatan sumberjaya pelancongan sedia ada, pembukaan destinasi-destinasi baru serta promosi yang agresif menyumbang kepada peningkatan kedatangan pelancong ke negara ini.

Bagi memastikan industri pelancongan terus berkembang, kerajaan Malaysia telah mempromosikan pelbagai konsep pelancongan antaranya ekopelancongan, agro pelancongan, pelancongan bandar, pelancongan budaya dan sejarah, pelancongan kesihatan, dan homestay. Salah satu konsep pelancongan yang dipromosikan adalah melancong ke beberapa destinasi yang terletak di sempadan negara. Sebanyak 9 buah lokasi menjadi tumpuan pelancong di sepanjang sempadan Malaysia – Thailand. Aktiviti yang popular di destinasi ini adalah membeli-belah yang majoritinya dikunjungi oleh pelancong tempatan. Salah satu tujuan kerajaan membangunkan kawasan-kawasan sempadan adalah memberikan peluang pekerjaan dan pendapatan

kepada penduduk yang tinggal berhampiran sempadan di samping membuka kawasan-kawasan baru untuk tujuan pembangunan. Apabila disebut tentang pelancongan sempadan, beberapa isu seringkali dikaitkan dengan kawasan ini iaitu corak pergerakan pelancong, dasar pemberian visa, urusan di Kompleks CIQ, tarikan dan imej produk yang ditawarkan, corak pembangunan destinasi, status bebas cukai, pihak yang memperoleh manfaat hasil daripada pembangunan kawasan sempadan, keselamatan negara, dan aktiviti penyeludupan.

2.2 Danok-Bukit Kayu Hitam

Abdul Rahim, Muszafarshah dan Amel (2014) telah mengkaji pekan sempadan berkembar – Danok (Thailand) dan Bukit Kayu Hitam (Malaysia) dengan matlamat untuk memajukan Danok-Bukit Kayu Hitam sebagai zon ekonomi sempadan istimewa. Metode kajian mereka bersifat penyelidikan deskriptif dan mengaplikasikan *interscalar modelization* untuk menganalisis organisasi reruang lintas sempadan antara Danok-Bukit Kayu Hitam. Ini adalah kerana Danok dan Bukit Kayu terletak pada rangkaian jalan raya utama yang strategik dari Bangkok ke Danok/Bukit Kayu Hitam yang menjadi get laluan ke Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Singapura melalui Lebuh Raya Utara Selatan di Semenanjung Malaysia. Malah industri logistik adalah utama di estet perindustrian Bukit Kayu Hitam berbanding dengan aktiviti perkilangan.

Kedatangan pelancong dari Malaysia dan juga Singapura, menurut Abdul Rahim, Muszafarshah dan Amel (2014), telah mencorakkan Sadao sebagai pusat lintas sempadan pelancongan dan pekan membeli belah serta berlibur. Bagi penduduk Sadao, aktiviti industri di estet perindustrian Bukit Kayu Hitam dan ladang getah pula menyediakan peluang pekerjaan kepada tenaga buruh Thai dan dalam pada itu sebagai sumber tenaga buruh yang murah kepada industri di Bukit Kayu Hitam dan Kubang Pasu. Selain itu, Bukit Kayu Hitam juga adalah pusat pentadbiran keselamatan di kawasan sempadan dengan Selatan Thailand. Sebagai rumusan, kajian Abdul Rahim, Muszafarshah dan Amel (2014) menunjukkan pekan berkembar ini berpotensi untuk dibangunkan sebagai zon ekonomi sempadan istimewa berdasarkan kelebihan komparatif masing-masing yang saling melengkapi walaupun fundamental ekonomi adalah berbeza.

2.3 Wang Kelian-Wang Prachan

Kajian pekan sempadan Wang Kelian-Wang Prachan telah dikaji oleh Mat Som, Mohamed dan Wong (2005) dan Asan, Abu Sufian dan Tuan Marina (2009). Kajian itu menumpu ke industri pelancongan dan perniagaan di pekan sempadan. Mereka menjalankan survei ke atas peniaga, pelancong, penduduk tempatan untuk mengukur impak aktiviti pelancongan ke atas penduduk tempatan dari segi peluang pekerjaan dan perniagaan. Analisis kajian mereka bersifat deskriptif dengan menggunakan data sekunder untuk menjawab persoalan kajian masing-masing.

Mat Som, Mohamed dan Wong (2005) mengkaji aktiviti perniagaan lintas sempadan di pasar Ahad Wang Kelian yang bersempadan dengan pekan Wang Prachan Thailand. Pekan Wang Kelian bukan hanya berfungsi sebagai tarikan pelancong tetapi mewakili pergerakan lintas sempadan Wang Kelian-Wang Prachan di kalangan peniaga Thai. Pelancong dan peniaga Thai dan Malaysia dibenarkan masuk ke pasar Ahad Wang Kelian dan Wang Prachan tanpa menggunakan pasport ke sehingga 2 km daripada CIQ masing-masing dengan syarat mereka berada di kawasan pasar tersebut.

Fokus kajian Mat Som, Mohamed dan Wong (2005) adalah untuk menilai keupayaan peniaga tempatan bersaing dengan peniaga Thai di Pasar Ahad Wang Kelian. Mereka mendapati kehadiran peniaga Thai adalah lebih dominan di pasar Ahad Wang Kelian kerana mereka dapat menawarkan harga produk dengan lebih murah daripada peniaga tempatan. Malah kedatangan pelancong tempatan ke pasar Ahad Kelian adalah kerana tarikan harga produk dari Thailand yang lebih murah seperti pakaian, kelengkapan dapur, barangankraf tangan dan perhiasan rumah, termasuk pakaian, kelengkapan dapur, barangankraf tangan dan perhiasan rumah.

Asan, Abu Sufian dan Tuan Marina (2009) mengkaji impak pembangunan pekan pelancongan Wang Kelian ke atas penduduk sekitar dan mencadangkan program/aktiviti pelancongan yang bersesuaian untuk meningkatkan lagi peranan Wang Kelian sebagai pekan pelancongan lintas sempadan. Terdapat pasar Nat sehari di Wang Kelian yang dapat menarik kira-kira 15,000 orang pelancong setiap hari Ahad kerana pengunjung Pasar Nat dapat menyeberang sempadan Thai-Malaysia

tanpa dokumen perjalanan dengan syarat berada dalam lingkungan 2 km dari CIQ Wang Kelian untuk membeli-belah.

Mereka menjalankan survei ke atas peniaga (70 peniaga) dan pelancong (70 orang) di Pasar Nat Wang Kelian. Metode kajian berbentuk deskriptif dengan menggunakan dapatan statistik asas daripada survei untuk mengukur impak pembangunan pekan pelancongan Wang Kelian kepada penduduk tempatan. Asan, Abu Sufian dan Tuan Marina (2009) merumuskan kesan pembangunan pasar Nat Wang Kelian kepada penduduk sekitar adalah terhad, khususnya daripada aspek peluang pekerjaan. Walaupun sebahagian besar daripada penduduk berminat untuk bermiaga di pasar Nat dan berminat untuk menyewa gerai jika diberi peluang namun penglibatan mereka secara aktif dalam perniagaan di pasar Nat masih berkurangan. Masalah ini berlaku disebabkan oleh beberapa isu, antara yang utama ialah : 1) kekangan modal, kemahiran dan pengusaha, 2) masalah persaingan dengan peniaga Thai, dan 3) masalah produk yang hendak dijual.

Dari segi persaingan perniagaan, penduduk tempatan (termasuk peniaga tempatan) juga kurang mampu bersaing dengan peniaga daripada Thailand. Sebahagian besar peniaga dan pekerja di gerai di pasar Nat ialah warganegara Thai. Peniaga warga Thai membawa masuk barang mereka dari Thailand terutamanya pakaian, kraf tangan, barang-barang elektrik, barang perhiasan wanita dan perabot. Selain itu peniaga Thailand juga membawa bersama pekerja mereka (warga Thai) untuk bermiaga di pasar Nat. Barang-barang ini juga dijual pada harga yang lebih murah di Wang

Prachan (Thailand). Pengunjung warga Malaysia juga lebih berminat untuk membeli-belah di Wang Prachan berbanding di pasar Nat.

2.4 Rantau Panjang-Sg. Kolok

Kajian Fauzi, Husin, dan Selamah (2013) menumpu kepada isu penyeludupan lintas sempadan dengan mengambil Rantau Panjang dan Sg. Kolok sebagai kajian kes. Secara khususnya mereka membincangkan masalah-masalah yang berlaku di sepanjang sempadan perairan Sungai Golok dan zon bebas cukai Rantau Panjang serta cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak Penguatkuasa bagi mencegah kegiatan penyeludupan barang dan manusia.

Analisis kegiatan penyeludupan di sepanjang perairan Sungai Golok ini dilakukan dengan mengguna metode diskusi kumpulan pakar (focus group). Metode ini melibatkan enam agensi yang berkaitan dengan penyeludupan, perniagaan dan pelancongan, iaitu Unit Pencegah Penyeludupan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen, Majlis Daerah dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Diskusi panel kumpulan pakar ini bertujuan mendapatkan maklumat serta pandangan pakar tentang isu penyeludupan barang melalui Sg Golok ke kawasan zon bebas cukai Rantau Panjang.

Menurut Fauzi, Husin, dan Selamah (2013), aktiviti perniagaan dan perdagangan di kawasan sempadan bukanlah perkara yang baru. Pintu sempadan kerap dijadikan

sebagai pintu rezeki bagi sesetengah peniaga yang mengambil kesempatan atas ketersediaan barang negara jiran yang biasanya 1) tidak terdapat di pasaran tempatan; dan 2) lebih murah berbanding barang yang sama buatan tempatan.

Menurut mereka, kemasukan barang dagangan yang diisyiharkan tidak menjadi masalah tetapi sebaliknya jika kemasukan adalah secara haram atau seludup, atas alasan tidak mahu membayar cukai, maka itu merupakan masalah kepada negara. Aktiviti membawa masuk dan keluar barang melalui Sungai Golok berlaku sejak dahulu lagi sehingga masyarakat yang bersempadan menganggap aktiviti itu tidak menyalahi peraturan. Ini disebabkan kebanyakan masyarakat di kedua-dua wilayah ini mempunyai tali persaudaraan antara satu sama lain sehinggalah wujudnya persempadanan yang sah antara kedua-dua buah negara.

Tambah mereka lagi, aktiviti membawa masuk dan keluar barang secara tidak sah melalui Sungai Golok tidaklah mendatangkan kesan yang besar kepada ekonomi negara jika barang yang dibawa pada skala yang kecil untuk kegunaan keluarga. Bagaimanapun masalah yang lebih besar timbul apabila barang yang di bawa masuk dan keluar tersebut dalam kuantiti yang besar untuk tujuan mendapat keuntungan. Barang bersubsidi seperti gula, minyak masak, tepung gandum, petrol dan diesel boleh memberi kesan kepada ekonomi negara apabila barang tersebut dibawa keluar ke Thailand untuk tujuan mendapat keuntungan disebabkan harga yang lebih tinggi di sana. Penyeludupan barang berbahaya seperti senjata api boleh menjelaskan keamanan negara serta perlu dibendung. Begitu juga penyeludupan

masuk manusia secara tidak sah ke negara ini boleh mendatangkan masalah sosial kepada negara.

Untuk mengatasi kes penyeludupan, Fauzi, Husin, dan Selamah (2013) mencadangkan perubahan akta tertentu yang memberi lebih kuasa kepada semua agensi untuk menangkap dan mendakwa penyeludup. Sehingga kini, penguatkuasaan lintas sempadan adalah tanggungjawab Jabatan Imigresen kerana ia mempunyai bidang kuasa untuk mengawal keluar masuk individu di pintu sempadan atau CIQ Rantau Panjang. Seterusnya, zon penampang (atau *bumper zone*) di sebelah zon bebas cukai Rantau Panjang diwujudkan. Kewujudan *bumper zone* dalam jarak sekitar 50 hingga 100 meter dapat memudahkan pemantauan pihak berkuasa terhadap aktiviti penyeludupan. Bagaimanapun kos pembangunan *bumper zone* adalah tinggi kerana berkait dengan berian pampasan kepada penduduk yang berada di *bumper zone*. Cadangan ini boleh dikaji semula bagi mengurangkan isu penyeludupan kerana lebar Sungai Golok yang memisah antara pekan Sg. Kolok dan Rantau Panjang adalah dekat dan memudahkan aktiviti penyeludupan lintas sempadan.

2.5 Rumusan

Terdapat lapan pintu sempadan utama antara Malaysia dengan Selatan Thailand - Wang Kelian (Perlis)/Wang Prachan (Thailand), Padang Besar (Perlis)/Satun (Thailand), Bukit Kayu Hitam (Kedah)/Sadao (Thailand), Durian Burong (Kedah)/Ban Prakob (Thailand), Pengkalan Hulu (Perak)/Betong (Thailand), Rantau

Panjang (Kelantan)/Sg. Kolok (Thailand), Bukit Bunga (Kelantan)/Ban Buketa (Thailand) and Pengkalan Kubur (Kelantan)/Tak Bai (Thailand). Bagaimanapun daripada lapan pekan sempadan itu, tumpu diberi kepada Bukit Kayu Hitam-Danok, Wang Kelian-Wang Prachan, Rantau-Panjang dan Sg. Kolok. Walaupun metode kajian masing-masing adalah berbeza, objektif umum bagi semua kajian ialah bagaimana untuk memajukan pekan sempadan supaya pembangunannya adalah mampan pada masa depan. Pada umumnya, semua kajian memberi perhatian kepada strategi untuk memakmurkan aktiviti ekonomi sempadan dengan menggalakkan industri pelancongan lintas sempadan dan penubuhan zon ekonomi istimewa bagi tujuan untuk menarik pelaburan asing. Pada masa yang sama mereka juga mencadangkan beberapa strategi untuk menangani isu negatif seperti penyeludupan dan alam sekitar supaya isu negatif ini tidak menjaskankan pembangunan ekonomi sempadan pada masa depan.

3. EKONOMI LINTAS SEMPADAN


Bahagian ini membincangkan lokasi kajian, profil sosioekonomi pekan sempadan dan aktiviti perdagangan lintas sempadan antara pekan Sg. Kolok dan Rantau Panjang. Masalah aktiviti penyeludupan juga dibincangkan dalam bahagian ini.

3.1 Lokasi Kajian

Sempadan Malaysia-Thailand terdiri dari sempadan darat dan sungai. Sempadan darat adalah dari Bukit Batu Putih (Perlis) hingga Bukit Bunga (Kelantan) dengan panjang 551.1 km. Manakala dengan sungai ialah dari Bukit Bunga (Kelantan) hingga Pengkalan Kubor (Kelantan) dengan panjang sungai 95 km.

Penentuan sempadan antarabangsa Malaysia-Thailand berasaskan kepada Triti bertarikh 10 Mac 1909 yang ditandatangani di antara Great Britain dan Siam. Persetujuan untuk menandai dan mengukur sempadan antarabangsa Malaysia dan Thailand telah dibuat dengan menandatangani Memorandum Persefahaman di Bangkok, Thailand pada 8 September 1972 .

Negeri Kelantan mempunyai 10 jajahan dan pekan Rantau Panjang terletak dalam mukim Rantau Panjang dan di bawah pentadbiran jajahan Pasir Mas.¹ Pekan Rantau Panjang adalah kira-kira 40 km ke barat daya bandar Kota Bharu (ibu kota negeri Kelantan).

		
Kelantan mengikut jajahan Sumber: metroroomates.com	Jajahan Pasir Mas mengikut daerah http://jaguh.org/portal/	Kedudukan pekan Rantau Panjang dalam daerah Pasir Mas Sumber: google map
Peta 1: Kelantan, Jajahan Pasir Mas dan Pekan Rantau Panjang		


Manakala negara Thailand mempunyai empat pentadbiran wilayah utama: Utara, Timur Laut, Tengah dan Selatan. Selatan Thai mempunyai 14 jajahan dan Narathiwat adalah satu daripadanya.² Mukim Sg. Kolok adalah satu daripada 13 mukim di bawah

¹Jajahan di Kelantan terdiri daripada jajahan (1) Bachok, (2) Gua Musang, (3) Jeli, (4) Kota Bharu, (5) Kuala Krai, (6) Machang, (7) **Pasir Mas**, (8) Pasir Putih, (9) Tanah Merah dan (10) Tumpat. Jajahan Pasir Mas mempunyai 10 daerah (1) Alor Pasir, (2) Kubang Gadong, (3) Rantau Panjang,(4) GualPeriok, (5) Kengkong, (6) Chetok,(7) Bunut Susu (8). Kubang Sepat (9).Pasir Mas, dan (10) Kuala Lemal. Daerah Rantau Panjang pula mempunyai 7 mukim iaitu **Rantau Panjang**, Lubok Gong, Gual Nering, Lubok Setol, Telaga Mas, Bakat dan Rahmat.

²Selatan Thailand meliputi 14 wilayah pentadbiran (1) Chumphon,(2) Krabi,(3) Nakhon Si Thammarat, (4) **Narathiwat**, (5) Pattani, (6) Phang Nga, (7) Phatthalung, (8) Phuket, (9) Ranong, (10) Satun, (11) Songkhla, (12) Surat Thani, (13)Trang dan (14) Yala.

pentadbiran jajahan Narathiwat.³ Pekan utama bagi mukim Sg. Kolok ialah Sg. Kolok, yang mengambil nama sama dengan mukimnya.

Pekan Rantau Panjang-Sg. Kolok adalah pekan sempadan berkembar dan pintu keluar-masuk antarabangsa utama antara Malaysia-Thailand. Kedua-dua pekan itu mempunyai Pusat Pemeriksaan dan Kuarantin (CIQ). Pintu sempadan dibuka setiap hari dari jam 6 pagi sehingga 10 malam. Jarak antara dua pekan itu adalah 5 km dan dihubungi dengan Jambatan *Muhibah* yang panjangnya ialah 100 meter dan dibina pada tahun 1973 dengan kos projek RM630,000. Ia adalah jambatan pertama yang menghubungkan Malaysia-Thailand dan sebahagian daripada laluan rangkaian lebuh raya Asia ke China dan Singapura. Jambatan itu juga adalah pencetus kepada pembangunan di kawasan sempadan menerusi akses kegiatan sosioekonomi harian antara pekan Rantau Panjang-Sg. Kolok.

		
Narathiwat mengikut mukim Sumber: mapsofworld.com	Kedudukan pekan Sg. Kolok dalam mukim Sg. Kolok Sumber: google map	Peta Jambatan Sg. Kolok-Rantau Panjang Sumber: google map
Peta 2: Narathiwat dan Pekan Sg. Kolok		

³Wilayah Narathiwat terdiri daripada 13 daerah (1) Mueang Narathiwat, (2) Tak Bai, (3) Bacho, (4) Yingo, (5) Ra-ngae, (6) Rueso, (7) Si Sakhon, (8) Waeng, (9) Sukhirin, (10) **Sg. Kolok**, (11) Sg. Padi, (12) Chanae, dan (13) Cho-airong.



Rajah 1: Jambatan Sg. Sg. Kolok-Rantau Panjang
<http://www.flickr.com/photos/susumumiyasaki/4565743619/>

Selain daripada faktor pasaran, pembangunan ekonomi kawasan sempadan juga dipengaruhi oleh dasar keselamatan dan pembangunan daripada kerajaan Malaysia dan Thailand, antaranya ialah Perjanjian Persempadanan Malaysia-Thailand, Strategi Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (*Joint Development Strategy Malaysia-Thailand*) untuk kawasan sempadan, Pelan Tindakan Pembangunan untuk Daerah Sempadan Selatan (*Action Plan on Southern Border Provinces Development*) Thailand, Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan Segi Tiga Indonesia, Malaysia, Thailand (IMT-GT)

3.2 Profil Sosioekonomi

Jumlah penduduk pekan Rantau Panjang dianggarkan 3,864 orang (2010) dan menyumbang 2% daripada keseluruhan penduduk Pasir Mas. Majoriti daripada penduduk pekan Rantau Panjang adalah etnik Melayu (92%).

Jadual 1: Bilangan Penduduk Jajahan Pasir Mas, 2010		
	2010 (bilangan)	%
Jajahan Pasir Mas	180878	
• Daerah Rantau Panjang	27228	15%
• Mukim Rantau Panjang	9074	5%
• Bandar Kecil Rantau Panjang	3864	2%
Etnik		
• Melayu	3555	92%
• Cina	127	3%
• Lain	182	5%
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2011). Population Distribution by Local Authority Areas and Mukim, 2010		

Struktur ekonomi negeri Kelantan menumpu dalam sektor perkhidmatan dengan sumbangan 77% dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) Kelantan. Sektor pertanian adalah yang kedua terpenting dengan sumbangan 17% dalam GDP Kelantan. Bagi pekan Rantau Panjang, sektor perniagaan runcit dan borong adalah aktiviti ekonomi yang penting. Industri pelancongan turut menyumbang kepada kepesatan ekonomi Rantau Panjang berikutan kewujudan Zon Bebas Cukai di pekan tersebut yang dibuka pada tahun 2002.

Jadual 2: Struktur pengeluaran negeri Kelantan, RM juta (pada harga malar 2000)		
Aktiviti Ekonomi	2012	%
• Pertanian	1996	17%
• Perlombongan dan kuari	15	0%
• Pembinaan	205	2%
• Perkilangan	456	4%
• Perkhidmatan	8963	77%
Jumlah	11635	100%
Sumber: UPEN (2011). Laporan Ekonomi Negeri Kelantan 2010-11		

Bagi wilayah Narathiwat, jumlah penduduknya ialah 719,930 orang (2008) dan daerah Sg. Kolok ialah 72,426 orang. Penduduk di pekan Sg. Kolok ialah 39,564 orang. Kira-

kira 75% daripada penduduk Narathiwat beragama Islam (Melayu Patani), 20% Buddha dan selebihnya Kristian dan penganut agama lain.⁴ Majoriti daripada penduduk pekan Sg. Kolok mempunyai saudara mara dan hubungan kekeluargaan di Kelantan. Malah, ada di kalangan mereka mempunyai dwi warga negara iaitu Malaysia dan Thailand.

Jadual 3: Bilangan penduduk di Narathiwat	
Wilayah dan Daerah	2008 (bilangan)
Narathiwat	719,930
• Daerah Sg. Kolok	72,426
– Daerah kecil perbandaran Sg. Kolok	39,564
– Daerah kecil di luar perbandaran	32,862
Kepadatan penduduk Narathiwat, km ²	523.49
Sumber: National Statistical Office, Thailand	

Aktiviti ekonomi wilayah Narathiwat menumpu dalam sektor pertanian, iaitu 60% daripada jumlah pengeluaran ekonomi Narathiwat dan bakinya (40%) adalah dalam sektor bukan pertanian. Hasil pertanian yang utama ialah padi, getah dan perikanan. Sumbangan sektor perkilangan dalam jumlah pengeluaran Narathiwat adalah kecil, 5%. Bagi pekan Sg. Kolok, sesuai dengan kedudukannya sebagai pekan lintas sempadan, aktiviti ekonomi di pekan Sg. Kolok lebih menumpu kepada sektor perdagangan dan perniagaan runcit dan borong. Industri yang berkaitan dengan pelancongan seperti hotel dan restoran adalah juga penting.

⁴*Population Information Center 2011*

Jadual 4: Struktur Pengeluaran Narathiwat, 2004		
Aktiviti ekonomi	2008 (juta Baht)	2008 (RM juta)
Pertanian	30,521	2,970
• Pertanian, pemburuan dan perikanan	30,009	2,920
Bukan pertanian	20,337	1,979
• <i>Perkilangan</i>	2,443	238
• <i>Perdagangan borong dan runcit</i>	4,447	433
• <i>Pendidikan</i>	3,955	385
GDP Narathiwat	50,858	4,948

Nota: Kadar tukaran asing: 100 Baht = RM9.73
Sumber: National Statistical Office, Thailand

Berdasarkan data tahun 2008, GDP Narathiwat ialah kira-kira RM5 bilion. (atau 51 bilion Baht) dengan pendapatan per kapita RM6,569 (atau 67,511 Baht). Berdasarkan petunjuk pendapatan per kapita, Narathiwat berada pada kedudukan yang ke-12 daripada 14 wilayah dalam wilayah Selatan Thailand. Kedudukan itu menunjukkan Narathiwat adalah wilayah mundur. Wilayah yang paling maju di Selatan Thailand ialah Phuket yang terkenal dengan industri pelancongannya.

3.3 Pekan Rantau Panjang

Pekan Rantau Panjang diisytiharkan sebagai Zon Bebas Cukai (ZBC) pada tahun 2002. ZBC itu mempunyai keluasan 1 hektar. Terdapat 1,808 peniaga di ZBC Rantau Panjang (Majlis Daerah Pair Mas 2013). ZBC Rantau Panjang dibuka dari 8 pagi hingga 6 petang. Pada musim cuti sekolah, pekan Rantau Panjang adalah musim yang paling sibuk di Kelantan. Pasar ini menyediakan barang yang murah daripada selatan Thailand. Majoriti barang yang dijual di ZBC Rantau Panjang adalah buah-

buahan, sayuran, pakaian, pinggan mangkuk, periuk dan kuali, aksesori perkahwinan dan barang permainan daripada Selatan Thailand. Barang yang dikenakan cukai adalah barang buatan Thailand yang dibeli secara borong atau pada kuantiti yang banyak seperti selimut (jenama Toto), beras, dan pinggan mangkuk. Lazimnya, barang seperti ini dikecualikan daripada cukai jika untuk kegunaan sendiri.⁵

	
CIQ Rantau Panjang (Malaysia)	CIQ Sg. Kolok (Thailand)
Rajah 2: CIQ Rantau Panjang dan Sg. Kolok	

Kehadiran pasar minggu di pekan Mundok (Selatan Thailand) telah memberi saingan kepada aktiviti perniagaan di ZBC Rantau Panjang sehingga boleh menjelaskan pendapatan perniagaan.⁶ Pelancong menumpu ke pasar Mundok kerana tiada kawalan imigresen ke pekan Mundok dan tiada dikenakan cukai 10% ke atas setiap pembelian barang berbanding di ZBC Rantau Panjang. Oleh itu, harga ditawarkan di pasar

⁵Mengikut Perintah Duti Kastam (1988) dan Akta Zon Bebas (1990), semua barang bercukai yang dibeli dalam ZBC adalah tertakluk kepada kadar cukai sebanyak 10% ,

⁶Pekan Mundok yang terletak di pinggir Sungai Golok Thailand amat terkenal. Jika dari Malaysia Pekan Mundok ini terletak di seberang sungai Bukit Lata, atas sedikit pada Kg Terusan (jika dari Rantau Panjang), iaitu di jalan *lama* Pasir Mas - Rantau Panjang.

Mundok lebih murah dan menjadi tarikan pelancong tempatan, khususnya penduduk Pasir Mas(Berita Harian, 28 September 2011).



Peta 3: Lokasi Pekan Mundok yang bersaing dengan Zon Bebas Cukai Rantau Panjang
Sumber: googlemap

Kini pelancong tidak dibenarkan masuk secara bebas ke pekan Mundok melalui pangkalan haram bagi menjaga keselamatan pelancong dan mengekalkan aktiviti ekonomi tempatan ZBC Rantau Panjang. Pelancong yang mengingkari larangan tersebut boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Imigresen 1959 Seksyen 6(3) yang memperuntukkan kompaun sebanyak RM10,000 atau lima tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Menurut Pejabat Imigresen, tiga pintu masuk utama yang sah ialah Rantau Panjang (Pasir Mas), Bukit Bunga, (Tanah Merah) dan Pengkalan Kubur(Rabiatul, 2012).

3.4 Pelancongan di Rantau Panjang

Jadual 5 menunjukkan bilangan pelancong ke jajahan Pasir Mas yang melalui CIQ Rantau Panjang. Sebahagian besar daripada pelancong adalah pelancong antarabangsa. Destinasi utama pelancong tempatan dan asing adalah ZBC Rantau

Panjang. Bagi tempoh 2005-2007, purata bilangan pelancong yang melalui CIQ Rantau Panjang ialah 1.4 juta (88% daripada jumlah pelancong) berbanding 0.2 juta (atau 12%). Purata perbelanjaan sehari/pelancong pada tahun 2007 ialah RM362.00.⁷

Jadual 5: Ketibaan Pelancong ke Jajahan Pasir Mas dan Rantau Panjang					
Tahun	Pelancong Tempatan		Pelancong Antarabangsa - melalui Pos Imigresen Rantau Panjang		Jumlah
	Bil	(%)	Bil	(%)	Bil.
2005	239,025	14.4	1,418,830	85.6	1,657,855
2006	157,586	10.3	1,377,869	89.7	1,535,455
2007	165,737	10.1	1,481,275	89.9	1,647,012
Okt.2008	91,075	27.9	235,188	72.1	326,263

Sumber: Majlis Daerah Pasir Mas (2008). Rancangan Tempatan Jajahan Pasir Mas, 2008 - 2020

Khusus bagi negara Thailand, pada tahun 2007, pelancong dari Thailand mengambil kira 99% daripada jumlah pelancong ke jajahan Pasir Mas (=1.5 juta pelancong). Jumlah pelancong Thai yang tinggi adalah disebabkan oleh kerja rutin iaitu perjalanan masuk ke Malaysia secara berulang bagi tujuan bekerja, bermiaga dan menziarah keluarga.

3.5 Aktiviti Penyeludupan

Beberapa pengkalan haram wujud di sepanjang Sungai Golok, sungai yang menghubungkan persaudaraan dan perniagaan penduduk Kelantan/Rantau Panjang di sempadan Malaysia dan Narathiwat/Sg. Kolok di Thailand. Pengkalan itu atau jalan

⁷Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Kelantan (2008). Rancangan Tempatan Jajahan Pasir Mas, 2008 - 2020

tikus menjadi pusat penyeludupan untuk memenuhi pasaran di kedua-dua negara. Sepanjang Pengkalan Kubor, Tumpat sehingga Rantau Panjang sahaja terdapat lebih daripada 130 pengkalan haram bagi kegiatan penyeludup. Antara pengkalan haram yang sering dilalui dan diberi gelaran tertentu ialah Pengkalan *Syed Agil* dan *MCA*. Tidak kurang popular adalah Pengkalan *Pohon Jambu*, *Pengkalan Gergaji*, *Pohon Buluh*, *Che Kasim* dan *Pauh*. Pengkalan ini adalah laluan air yang menggunakan galah. Selain aktiviti penyeludupan, laluan air ini digunakan oleh mereka yang ingin ke pekan Sg, Kolok tanpa menggunakan dokumen perjalanan. Tambang perahu ini ialah RM1. Seorang pembawa perahu dianggarkan mendapat pendapatan pada purata RM300 sehari. (Kosmo 10 Jun 2013).

	
Laluan air tanpa menggunakan dokumen perjalanan ke Pengkalan Gergaji, Sg. Kolok (Thailand)	Laluan air tanpa menggunakan dokumen perjalanan ke Pengkalan Che Kasim, Sg. Kolok (Thailand)
Rajah 3: Jalan tikus ke Pekan Sg, Kolok dari Rantau Panjang	

Dari satu segi, aktiviti penyeludupan itu adalah sumber pendapatan utama bagi mereka yang terlibat walaupun risiko ditangkap oleh pihak berkuasa adalah tinggi. Barang pilihan penyeludupan ke Selatan Thailand meliputi barang subsidi keperluan harian seperti gula, beras, minyak masak serta gandum, minyak petrol dan

diesel. Produk lain yang diseludupi antara Malaysia dan Thailand meliputi juga pakaian haiwan ternakan, mercun dan bunga api, dan dadah. (Kosmo 10 Jun 2013).

3.6 Pekan Sg. Kolok

Daerah Sg. Kolok adalah seluas 4,475 km². Ekonominya adalah berdasarkan pertanian, perladangan dan perikanan. Industri pemprosesan berdasarkan hasil sumber tempatan seperti getah, buah-buahan dan ikan juga telah dibangunkan. Manakala pekannya, adalah pusat membeli belah dan hiburan di kalangan pelancong Malaysia dengan aktiviti ekonominya yang penting ialah perhotelan, restoran, perniagaan peruncitan dan pemborongan.

Industri pelancongan di pekan Sg. Kolok mudah terjejas dengan kekerapan pengeboman di daerah Sg. Kolok, termasuk pekannya sejak tahun 2005 oleh puak pemisah Islam di Selatan Thailand. Pada September 2011, tiga rakyat Malaysia terbunuh akibat letupan bom di pekan Sg. Kolok (Malaysiakini 17 September 2011). Pada bulan Mei 2013, enam rakyat Thai cedera berikutan bom di Asia Hotel, di Jalan Charoenkhet, tidak jauh dari stesen kereta api Sg. Kolok (New Straits Times, 18 Mei 2013).

		
Pekan Sg. Kolok	Pekan Sg. Kolok, jalan ke arah CIQ Sg. Kolok	Stesen Kereta api Sg. Kolok
Rajah 4: Pekan Sg. Kolok		

3.7 Pas Sempadan

Pada tahun 2013, Malaysia dan Thailand menandatangani Perjanjian Lintas Batas Malaysia-Thailand. Perjanjian itu bertujuan menggantikan *Traffic Across the Boundary Between the Malay States and Thailand* yang ditandatangani di Bangkok pada 24 Jun 1940. Beberapa elemen telah diperbaharui bagi meningkatkan keselamatan dan kemudahan pergerakan lintas sempadan antara kedua-dua negara. Perjanjian baru itu menjelaskan isu pengeluaran pas sempadan antara Malaysia-Thailand dan memutuskan negeri bersempadan sahaja yang layak menggunakan pas tersebut.

Pas Sempadan yang dikeluarkan sah digunakan untuk tempoh setahun dengan setiap kali kemasukan tidak melebihi 30 hari. Pas tersebut hanya dibenarkan untuk melawat saudara-mara, pelancongan, sukan, latihan jangka pendek (tidak lebih sembilan bulan), menghadiri seminar, mesyuarat, persidangan, sidang akhbar membuat liputan serta tujuan lain yang dipersetujui kedua-dua pihak. Pas sempadan juga dibenarkan untuk kegunaan di negeri-negeri yang dipersetujui sahaja. Sekiranya hendak

melangkaui sempadan negeri yang telah ditetapkan maka perlu menggunakan pasport antarabangsa negara masing-masing (Utusan Malaysia, 1 Mac 2013).

3.8 Dagangan Lintas Sempadan Rantau Panjang-Sg. Kolok

Jadual 6 menunjukkan nilai eksport Malaysia ke Thailand dan import Malaysia dari Thailand yang dicatat oleh pihak kastam Malaysia melalui CIQ Rantau Panjang bagi tempoh tahun 2007-2013. Kecuali pada tahun 2013, kedudukanimbangan dagangan antara Malaysia dengan Thailand adalah negatif. Ini menunjukkan yang perdagangan itu memihak kepada Thailand. Permintaan ke atas barang Thailand, khususnya dari Narathiwat adalah tinggi untuk tujuan pasaran di negeri Pantai Timur Semenanjung (Kelantan, Terengganu dan Pahang) pada amnya dan ZBC Rantau Panjang pada khususnya.

Jadual 6: Malaysia - Eksport dan Import Malaysia ke dan dari Thailand				
Tahun	Nilai Dagangan (RM juta)			
	Eksport ke Thailand	Import dari Thailand	Imbangan Dagangan	Jumlah dagangan
2007	54	183	(129)	237
2008	67	169	(102)	236
2009	78	194	(115)	272
2010	82	202	(121)	284
2011	117	206	(89)	322
2012	151	213	(62)	364
2013	248	204	44	453

Sumber: Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Apabila menggunakan data yang dibekalkan oleh pihak kastam Thailand, kedudukanimbangan dagangan bagi tempoh tahun 2007-2012 menunjukkan keadaan yang sebaliknya. Iaitu menguntungkan Malaysia seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 7.

Jadual 7: Thailand - Eksport dan Import Thailand ke dan dari Malaysia, RM juta

	Import dari Malaysia	Eksport ke Malaysia	Imbangan Dagangan	Jumlah Dagangan
2005	174	78	-96	252
2006	145	110	-35	255
2007	141	120	-21	261
2008	61	46	-15	106
2009	150	119	-31	269
2010	191	121	-70	312
2011	224	107	-118	331
2012	232	98	-134	331

Source: Department of Foreign Trade Thailand

Produk dagangan antara Malaysia dan Thailand meliputi barang makanan dan minuman, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan, makanan ternakan, pakaian dan kain, aksesori isi rumah, produk getah, produk elektronik dan elektrik, dan bahan binaan.

Pengamatan ke atas nilai eksport dan import yang direkodkan oleh pihak kastam Malaysia dan Thailand adalah tidak konsisten antara satu dengan lain. Ini adalah kerana sistem pengikraran dagangan yang berbeza oleh pengeksport/pengimport di kedua-dua negara. Bagi pihak kastam Malaysia, rekod pengikraran dagangan dilakukan secara elektronik ke Sistem Maklumat Kastam (SMK) melalui sistem DagangNet (seperti eDeclare). Bagi mana-mana pihak yang tidak *melanggan* dengan DagangNet, pengikraran kastam boleh dibuat di mana-mana tempat yang mempunyai kedai elektronik data change (EDI) atau DagangNet *Facilitation Point* (DFP).

Pihak kastam Thailand pula lebih kepada kaedah pengikraran manual dalam catatan nilai eksport dan import. Kaedah pengikraran yang berbeza itu menyebabkan nilai eksport dan import adalah tidak konsisten. Pengikraran yang berbeza ke atas kod jenis

produk yang sama oleh pengeksport/pengimport Thailand dan Malaysia juga menyumbang kepada nilai yang tidak konsisten itu.

Bagaimanapun, petunjuk kepesatan aktiviti dagangan lintas sempadan yang penting ialah variabel jumlah dagangan (eksport + import). Berdasarkan data Malaysia, jumlah perdagangan antara Malaysia dengan Thailand menunjukkan trend yang menaik, iaitu dari RM237 juta (2007) dan meningkat hampir dua kali ganda ke RM453 juta (2013). Scenario ini adalah konsisten dengan oleh data Thailand yang jumlah dagangannya dengan Malaysia meningkat sebanyak 1.3 kali ganda bagi tempoh tahun 2005-2012, dari RM252 juta (2005) ke RM331 (2012).

Kepesatan aktiviti ekonomi di ZBC Rantau Panjang juga boleh dilihat dengan nilai hasil cukai yang dikutip oleh pihak kastam Malaysia di ZBC daripada pengunjung yang membeli di ZBC. Bagi tempoh tahun 2007-2012, purata hasil kutipan cukai ialah RM340 ribu setahun.

Jadual 8: Malaysia: Kutipan cukai di ZBC Rantau Panjang	
Tahun	Nilai (RM juta)
2007	0.34
2008	0.39
2009	0.33
2010	0.41
2011	0.26
purata 2007-11	0.34

Sumber: Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kelantan

Ringkasnya, dagangan lintas sempadan antara Malaysia dan Thailand menerusi CIQ Rantau Panjang dan Sg. Kolok adalah aktif. Di pihak Malaysia, ZBC Rantau Panjang

adalah penjana utama kepada kepesatan dagangan lintas sempadan itu. ZBC itu berperanan sebagai pusat membeli belah di kalangan pelancong tempatan. Begitu juga pekan Sg. Kolok, dikunjungi oleh pelancong Malaysia dan asing kerana ia juga sebagai pusat membeli belah kerana menawarkan jenis produk yang tiada di ZBC Rantau Panjang dan menawarkan yang lebih murah di samping berlibur.

3.9 Rumusan

Struktur ekonomi wilayah Narathiwat dan jajahan Pasir Mas adalah hampir sama yang masing-masing adalah berasaskan pertanian, terutamanya getah dan padi. Manakala pekan Sg. Kolok dan Rantau Panjang yang merupakan pusat kegiatan ekonomi bagi wilayah Narathiwat dan Pasir Mas menumpu dalam sektor perdagangan runcit dan borong, penginapan dan restoran, komunikasi dan perbankan. Kedua-dua pekan itu dihubungi dengan jambatan dan memudahkan penduduk sempadan di Selatan Thailand dan Kelantan menjalankan aktiviti ekonomi lintas sempadan. Perdagangan lintas sempadan adalah aktif dengan trend jumlah perdagangan meningkat dalam tempoh kajian. Pekan sempadan Sg. Kolok dan Rantau Panjang adalah pusat membeli belah lintas sempadan di kalangan pelancongan Malaysia, Thailand dan asing lain.

4. DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini merumuskan dapatan kajian berdasarkan data sekunder yang diperoleh secara langsung atau atas talian daripada agensi yang berkaitan di selatan Thailand dan pengamatan langsung di lokasi kajian. Perbincangan dapatan kajian adalah mengikut objektif kajian:

1. memahami struktur dagangan pekan lintas sempadan
2. mengukur impak ekonomi lintas sempadan ke atas guna tenaga dan kemiskinan, dan
3. membangunkan Zon Ekonomi Sempadan Istimewa.

4.1 Struktur Dagangan Lintas Sempadan

Produk dagangan antara Rantau Panjang dan Sg. Kolok meliputi barang makanan dan minuman, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan, makanan ternakan, pakaian dan kain, aksesori isi rumah, produk getah, produk elektronik dan elektrik, dan bahan binaan.

Produk dagangan ini sesuai dengan struktur ekonomi daerah Sg. Kolok dan Rantau Panjang yang berasaskan sektor pertanian (getah dan padi).

Manakala pekan Sg. Kolok dan Rantau Panjang menumpu kepada aktiviti perniagaan runcit dan borong, penginapan dan restoran, komunikasi, dan kewangan dan perbankan. Kedua pekan lintas sempadan ini adalah pusat membeli belah dan berlibur di kalangan pelancong Malaysia, Thailand dan asing yang lain.

Kemudahan pas sempadan yang disediakan pihak imigresen Malaysia dan Thailand bagi penduduk Kelantan dan Narathiwat menggalakkan lagi aliran keluar masuk harian, malah berulang, antara pekan Sg. Kolok dan Rantau Panjang untuk melakukan aktiviti perniagaan, membeli belah, bekerja atau melawat saudara mara.

Khususnya di Rantau Panjang, ekonomi lintas sempadannya dipengaruhi oleh aktiviti perniagaan di ZBC Rantau Panjang. ZBC Rantau Panjang menjadi faktor tarikan kepada pelancong Malaysia dan Thailand serta asing untuk membeli belah di ZBC itu. Kawasan ZBC Rantau Panjang adalah antara 10 ikon pelancongan negeri dan merupakan produk pelancongan utama di Kelantan. Tumpuan jenis perniagaan di ZBC Rantau Panjang adalah perniagaan runcit dan borong yang meliputi pakaian dan kain, perkakasan dapur, aksesori isi rumah, peralatan elektrik dan pelbagai barang isi rumah bagi kegunaan sehari-hari. Majoriti daripada produk ini adalah daripada selatan Thailand dan dijual pada harga yang murah sesuai dengan keistimewaannya sebagai zon bebas cukai. Apa yang menarik ialah majoriti daripada peniaga di ZBC mempunyai dwi warga negara, Malaysia dan Thailand.

4.2 Penyeludupan

Aktiviti penyeludupan berlaku dalam perdagangan lintas sempadan bagi mengelakkan dikenakan cukai atau barang larangan seperti dadah. Berdasarkan data dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia, bagi tempoh 2007-2011, Unit Pencegahan Penyeludupan

telah merampas barang seludup antara Sg. Kolok dan Rantau Panjang bernilai kira-kira RM0.6 juta setiap tahun.

Jadual 9: Nilai Rampasan Barang Penyeludupan antara Sg. Kolok dan Ranjang	
Tahun	Nilai Rampasan Barang Penyeludupan
2007	0.61
2008	0.60
2009	0.67
2010	0.53
2011	0.45
Purata 2007-2010	0.57

Sumber: Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Barang yang diseludup ke Sg. Kolok meliputi barangan subsidi seperti petrol, diesel, minyak masak, gandum dan gula. Barangan larangan pula terdiri daripada kereta curi, syabu, mercun, ubat-ubatan, dan pil kuda. Barangan yang diseludup ke Rantau Panjang ialah seperti haiwan ternakan, beras, beras pulut, beras nasi dagang dan tepung beras.

4.3 Impak Ekonomi

Berdasarkan data kemasukan pelancong yang dibekalkan oleh Majlis Daerah Pasir Mas, purata bilangan pelancong (tempatan dan asing) ke Rantau Panjang ialah kira-kira 1.6 juta orang setiap tahun bagi tempoh tahun 2005-2007. Purata perbelanjaan yang dilakukan oleh seorang pelancong di pekan Rantau Panjang ialah kira-kira RM362/hari. Berdasarkan anggaran tersebut, impak kewangan ke atas aktiviti ekonomi Rantau Panjang boleh diukur dengan melakukan ekstrapolasi. Adalah dianggarkan anggaran suntikan aliran wang dalam ekonomi Rantau Panjang daripada

perbelanjaan harian pelancong ialah kira-kira RM1.4 juta sehari atau RM516 juta/setahun. Suntikan wang dalam aliran ekonomi Rantau Panjang akan menjana peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan berikutan peluasan perniagaan menerusi peningkatan permintaan barang dan perkhidmatan.

Kepesatan aktiviti ekonomi Rantau Panjang juga boleh dilihat daripada sumbangannya kepada hasil cukai kerajaan. Hasil cukai yang dikutip oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kelantan) di ZBC ialah pada purata kira-kira RM384 ribu setiap tahun bagi tempoh 2007-2011.

Tidak seperti Rantau Panjang, industri pelancongan di pekan Sg. Kolok mudah terjejas dengan kekerapan pengeboman di daerah Sg. Kolok, termasuk pekannya sejak tahun 2005 oleh puak pemisah Islam di Selatan Thailand. Perintah undang darurat di wilayah selatan Thailand Yala, Narathiwat dan Pattani mula dikuatkuasakan pada 2005 untuk mengawal keganasan sejak awal 2004 berikutan rasa tidak puas hati penduduk yang majoritinya keturunan Melayu dan beragama Islam, terhadap penindasan yang dilakukan oleh kerajaan Thailand.

4.4 Gunatenaga

Perbelanjaan oleh pelancong adalah pendapatan kepada peniaga di ZBC Rantau Panjang dan menyumbang kepada peningkatan pendapatan mereka. Ini meningkatkan

tahap kedudukan sosioekonomi yang lebih baik. Kepesatan perniagaan aktiviti ekonomi di kalangan peniaga ini memberi kesan rantaian di antara sektor ekonomi dengan mencipta peluang pekerjaan dalam sektor dagangan runcit dan borong serta perhotelan yang berkaitan dengan industri pelancongan.

Tiada data gunatenaga untuk pekan Rantau Panjang, termasuk di ZBC. Bagaimanapun, bilangan gunatenaga boleh dianggarkan dengan berdasar bilangan lesen premis perniagaan yang dikeluarkan oleh Majlis Daerah Rantau Panjang. Berdasarkan data terkini, terdapat 1,808 kedai. Pada puratanya dan berdasarkan pengamatan di lokasi kajian, setiap peniaga mengambil 3 hingga 5 orang pekerja untuk menyelia gerai pemilik. Jumlah pekerjaan di Rantau Panjang adalah kira-kira 5,550 orang dengan andaian 3 pekerja/gerai (iaitu senario rendah) atau kira-kira 9,040 pekerja dengan andaian 5 pekerja/gerai (senario tinggi).

4.5 Pendapatan dan Kemiskinan

Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Kelantan hanya menerbitkan data pendapatan isi rumah dan kemiskinan di peringkat negeri. Tidak ada data pendapatan isi rumah dan kemiskinan yang diterbitkan oleh UPEN Kelantan di peringkat daerah seperti Rantau Panjang. Oleh itu penyelidik menggunakan data di peringkat negeri kerana ia bersifat purata dan boleh diguna pakai secara kasar untuk mewakili kadar tingkat pendapatan dan kemiskinan di peringkat daerah.

Jadual 10: Kelantan: Pendapatan kasar bulanan isi rumah purata (RM), 1970-2012			
Tahun	RM/bulanan	RM harian (berdasarkan 30 hari)	kadar kemiskinan, %
1970	151.00	5.03	76.1
1974 Pembukaan Jambatan Muhibah	231.00	7.70	na
1976	269.00	8.97	67.1
1979	341.00	11.37	55
1984	625.00	20.83	39.2
1987	667.00	22.23	31.6
1989	726.00	24.20	29.6
1992	901.00	30.03	29.5
1995	1,091.00	36.37	22.9
1997	1,249.00	41.63	19.2
1999	1,314.00	43.80	25.2
2002 Pembukaan Zon Bebas Cukai Rantau Panjang	1,674.00	55.80	17.8
2004	1,829.00	60.97	10.6
2007	2,143.00	71.43	7.2
2009	2,536.00	84.53	4.8
2012	3,168.00	105.60	2.7
Sumber: EPU, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya			

Pendapatan bulanan kasar isi rumah bagi penduduk di Kelantan (termasuk Rantau Panjang) bagi tempoh tahun 1970-2012 menunjukkan trend menaik. Dengan Jambatan Muhibah yang dibina pada tahun 1973 sebagai tahun penandaaranan, pendapatan kasar bulanan isi rumah bagi penduduk Kelantan (termasuk Rantau Panjang meningkat sebanyak 14 kali ganda, daripada RM231/sebulan (1972) kepada RM3168/sebulan (2012). Jika tahun 2002 diambil sebagai tahun penandaaranan, yang ZBC di Rantau Panjang dibuka, pendapatan kasar bulanan isi rumah purata meningkat hampir dua kali ganda, dari RM1,674/sebulan (2002) kepada RM3168/sebulan (2012).

Seperti dalam kes pendapatan isi rumah, data kemiskinan negeri diguna untuk menggambarkan situasi kadar kemiskinan di Rantau Panjang. Ini adalah kerana kadar negeri juga mewakili kadar kemiskinan di peringkat daerah. Kadar kemiskinan di Kelantan berkurangan dari 67.1% (1974), 17.8% (2002) dan 2.7% (2012). Oleh itu secara purata, bagi setiap 100 penduduk di Kelantan, kira-kira 67 orang adalah miskin (1974), berkurangan ke 18 orang (2002) dan seterusnya ke 3 orang (2012). Senario kemiskinan negeri juga pada puratanya digunakan untuk menunjuk trend kemiskinan di Rantau Panjang. Oleh itu adalah tidak keterlaluan dikatakan yang kadar kemiskinan dan bilangan yang miskin adalah berkurangan di Rantau Panjang.

Jadual 11: Kadar kemiskinan di Rantau Panjang			
	2010 (bilangan penduduk)	2009, kadar kemiskinan, %	bilangan miskin
Daerah Rantau Panjang	27,228	4.8	1,307
Mukim Rantau Panjang	9,074	4.8	436
Bandar Kecil Rantau Panjang	3,864	4.8	185

Terdapat banyak faktor ekonomi, seperti program ekonomi perniagaan dan program pembasmian kemiskinan yang ditaja oleh kerajaan Pusat dan negeri, yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan kasar bulanan isi rumah dan pengurangan kadar kemiskinan di kalangan penduduk Kelantan (termasuk Rantau Panjang). Namun dalam konteks Rantau Panjang, adalah tidak keterlaluan dikatakan yang aktiviti dagangan lintas sempadan yang pesat adalah juga penyumbang kepada peningkatan pendapatan dan pengurangan kadar kemiskinan di kalangan penduduk Rantau Panjang.

4.6 Zon Ekonomi Sempadan Istimewa

ZBC Rantau Panjang adalah zon ekonomi sempadan yang dibuka oleh kerajaan Pusat pada tahun 2002. Kewujudan ZBC itu telah menggalakkan ekonomi lintas sempadan yang aktif antara Sg. Kolok dan Rantau Panjang. Majoriti daripada produk yang dijual di ZBC adalah daripada selatan Thailand dan harga yang ditawar kepada pengunjung adalah murah. Ia adalah pusat membeli belah di kalangan pelancong Malaysia.

Di bawah perancangan pembangunan Koridor Ekonomi Wilayah Timur (ECER), Rantau Panjang akan dibangunkan sebagai koridor pelancongan lintas sempadan bersama Pengkalan Kubor dan Bukit Bunga.



Peta 4: Koridor pelancongan Rantau Panjang-Pasir Mas – Kota Bharu – Pengkalan Kubor
Sumber: www.ecerdc.com.my/ecerdc/masterplan.htm

ZBC Rantau Panjang adalah Zon Ekonomi Sempadan Istimewa yang ditubuhkan pada tahun 2002. Infrastruktur kemudahan awam di ZBC yang sedia ada perlu dipertingkatkan bagi menyediakan kemudahan ruang sirkulasi, keselesaan, dan keselamatan kepada pelancong. Pembangunan infrastruktur yang mesra pelancong ini

akan mewujudkan suasana keselesaan kepada pelancong apabila membeli belah. Ini akan menarik lagi pelancong baru ke ZBC Rantau Panjang.

Kebakaran di pekan Rantau Panjang pada awal bulan Januari 2014 baru-baru ini membabitkan 60 unit kedai berhampiran dengan kompleks ZBC Rantau Panjang dan melibatkan kerugian sebanyak RM2 juta. Oleh itu, peningkatan infrastruktur kemudahan awam di ZBC Rantau Panjang adalah bertepatan dan sesuai pada masanya bagi menjamin keselamatan pelancong dan juga peniaga di ZBC Rantau Panjang.

4.7 Rumusan

Aktiviti ekonomi lintas sempadan antara Sg. Kolok dan Rantau Panjang adalah aktif dengan jumlah dagangan meningkat dalam tempoh kajian. Ini memberi kesan limpahan kepada ekonomi sempadan masing-masing dengan mewujudkan peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan dan pengurangan kadar kemiskinan. Bagaimanapun, ekonomi lintas sempadan juga mendorong kepada aktiviti ekonomi penyeludupan dengan tujuan untuk mengelak barang dikenakan cukai atau barang yang dilarang oleh kerajaan masing-masing. Ini berlaku kedudukan Sg. Kolok itu mudah dilintasi tanpa menggunakan pasport. Bagi pihak Malaysia, usaha penguatkuasaan telah dan sedang dilakukan untuk mengatasi aktiviti penyeludupan. Pembangunan koridor pelancongan Rantau Panjang – Pasir Mas – Kota Baharu – Pengkalan Kubur di bawah pelan pembangunan ECER akan menambahkan lagi nilai Zon Ekonomi Sempadan Istimewa di ZBC Rantau Panjang.

5. KESIMPULAN

Pekan sempadan Sg, Kolok dan Rantau Panjang adalah antara pekan lintas sempadan yang utama di sempadan Thailand-Malaysia. Pembukaan ZBC Rantau Panjang telah memusatkan lagi aktiviti dagangan lintas sempadan antara Sg. Kolok dan Rantau Panjang. Berdasarkan kelebihan komparatif yang ada di wilayah sempadan masing-masing, pekan Rantau Panjang menyediakan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada penduduk Selatan Thailand. Di samping itu, kawasan ZBC Rantau Panjang adalah juga pusat membeli belah di kalangan pelancong Malaysia, terutamanya dari luar Kelantan. Manakala Sg. Kolok adalah pusat membeli belah di kalangan pengunjung Kelantan dan di luar Kelantan kerana menawarkan harga produk yang lebih murah dan juga produk yang tiada di pasaran tempatan. Faktor tukaran asing dan kekuatan matawang Ringgit juga menyumbang kepada peningkatan lintas sempadan ekonomi.

Perbezaan kelebihan komparatif dan corak permintaan yang berbeza mendorong kepada kepesatan aktiviti ekonomi lintas sempadan Sg. Kolok dan Rantau Panjang. Ia mempunyai kesan limpahan kepada kawasan yang berhampiran dengannya, terutamanya Kota Baharu dan Pasir Mas yang lokasinya tidak jauh dari pekan Rantau Panjang. Faktor lain yang menyebabkan peningkatan aktiviti ekonomi lintas sempadan ialah kemudahan pas sempadan yang disediakan oleh kerajaan masing-masing kepada penduduk tempatan yang menetap di sempadan untuk melawat wilayah jiran masing-masing.

Pembangunan ekonomi sempadan Sg. Kolok dan Rantau Panjang telah mendapat perhatian kerajaan Thailand dan Malaysia di bawah Strategi Pembangunan Bersama (JDS) untuk wilayah perbatasan, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan Asian Development Bank (ADB).

Pada tahun 2012, kerajaan Malaysia dan Thailand telah mengenal pasti pelancongan lintas sempadan sebagai satu daripada enam bidang kerjasama ekonomi yang berpotensi untuk ditingkatkan, di samping industri automotif, industri getah di kawasan sempadan, jaminan makanan, jaminan tenaga, minyak dan gas serta pelancongan (Berita Harian, 21 Februari 2012).

Komitmen kerjasama ekonomi Malaysia dan Thailand akan memberi manfaat ekonomi Pekan Rantau Panjang dan Sg, Kolok. Antara projek yang dicadangkan ialah untuk mewujudkan perkhidmatan bas ulang-alik antara kedua-dua negara bagi kemudahan pergerakan orang ramai (yang berjalan kaki) bagi memusatkan lagi ekonomi lintas sempadan. Pada masa ini perhubungan ulang-alik di jambatan Muhibah adalah dengan menggunakan kenderaan sendiri sama ada berkereta atau bermotor yang memerlukan insurans untuk lintas sempadan.

Di pihak Malaysia, pelan pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur telah mengenal pasti ZBC Rantau Panjang sebagai koridor pelancongan sempadan bersama pekan sempadan Pengkalan Kubor dan Bukit Bunga. Cadangan rangkaian koridor

pelancongan sempadan itu akan menaikkan nilai kedudukan ZBC Rantau Panjang sebagai Zon Ekonomi Sempadan Istimewa.

ADB (2012) pula mencadangkan beberapa projek untuk Sg. Kolok dan Rantau, antaranya: 1). pembinaan jambatan kedua Sg. Kolok dan Rantau Panjang bagi meningkatkan kesalinghubungan dan kapasiti laluan antara Malaysia dan Thailand, 2) membina IMT-GT plaza yang berfungsi sebagai pasar borong dan menyediakan tempat untuk perusahaan kecil dan sederhana memasarkan produk mereka. ADB (2012) juga mencadangkan penyelarasan peraturan dan prosedur perdagangan bagi meningkatkan aktiviti eksport dan import lintas sempadan.

Dari segi politik, menyedari situasi politik yang tidak stabil di Selatan Thailand, Malaysia sedia membantu Thailand sebagai moderator untuk mencari penyelesaian jangka panjang bagi menghentikan pergolakan di selatan Thailand. Dalam pada itu, kerajaan Thailand telah merencana pelan pembangunan untuk melindungi dan menjaga kebijakan serta meningkatkan kualiti kehidupan penduduk tempatan Pattani, Yala, Narathiwat, Satun, dan Songkhla.

Pihak pula telah memperkenalkan *Southern Border Provinces Special Zone Development, 2009-2012* yang memfokuskan kepada peningkatan pendapatan penduduk tempatan dan kualiti kehidupan, menjamin keadilan dan sekuriti serta keselamatan nyawa dan harta benda, membangunkan modal insan dan meningkat standard perkhidmatan sosial, memulihkan ekonomi tempatan dan menggalakkan

pelaburan, menghubungkan ekonomi tempatan dengan negara jiran, dan menambah baik perundangan dan peraturan dan meningkatkan kecekapan sistem pengurusan dan penyampaian.

Seterusnya, kerajaan Thailand merencana *Action Plan on Southern Border Provinces Development, 2012-2014*. Pelan ini memberi keutamaan kepada menyediakan bantuan, pampasan dan pemulihan mental bagi mereka yang terjejas oleh keganasan, terutama mereka yang kematian suami dan anak yatim serta yang kehilangan sumber pencarian pendapatan yang utama. Statistik menunjukkan daripada 2004-2010 terdapat 2,171 janda dan 4,203 anak yatim akibat daripada keganasan di Selatan Thailand. Program penjanaan pekerjaan telah dilaksanakan bagi mengurangkan masalah kehidupan di kalangan penduduk tempatan (*National News Bureau of Thailand, 2013*).

Ringkasnya, ekonomi pekan sempadan Rantau Panjang-Sg. Kolok berpotensi untuk ditingkatkan sebagai pusat pelancongan utama di sempadan Malaysia-Thailand dan get laluan pelancongan utama ke Asia dan ASEAN, khususnya ke Singapura. Ini adalah kerana ia terletak di rangkaian lebuh raya Asia. JDS dan JC Malaysia-Thailand adalah institusi penting untuk mengawal selia dan menentukan hala tuju pembangunan ekonomi sempadan Malaysia-Thailand pada amnya dan Rantau Panjang-Sg. Kolok pada khususnya. Pelan pembangunan Selatan Thailand yang dilaksanakan oleh kerajaan Thailand dapat membantu pembangunan ekonomi di

Narathiwat, Yala dan Pattani dan dalam pada itu menangani masalah pemberontakan di wilayah berkaitan.

Jaminan keamanan, keselamatan dan sekuriti di Selatan Thai akan meningkat semula aktiviti ekonomi di pekan Sg. Kolok dan menjadikan pusat pelancongan sempadan di kalangan pelancong, justeru mempunyai kesan limpahan ke atas ekonomi Rantau-Panjang yang laba pembangunan ekonomi akan dinikmati bersama oleh kedua-dua belah pihak.

RUJUKAN

- Abd Hair, A., Junaenah S., Noor Rahamah, A.B., Mohd Yusof A., & Ong P.Y. (2013). Informal cross-border trade Sarawak (Malaysia)-Kalimantan (Indonesia): A catalyst for border community's development. *Asian Social Science*, 9 (4).
- Abdul Rahim, A. Muszafarshah, M. M. & Amel F. (2014). Danok-Bukit Kayu Hitam, twin border towns on the Thailand-Malaysia border. In N. Fau, K Sirivanh, & C. Taillard (Eds.). *Transnational Dynamics in Southeast Asia: The Greater Mekong Subregion and Malacca Straits economic corridors* (pp. 321-397). Singapore: ISEAS.
- Asan Ali G.H., Abu Sufian A.B., & Tuan Marina T.I. (2009). *Kajian impak penilaian sosio-ekonomi ke atas pembangunan pekan pelancongan Wang Kelian, Perlis*. Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia. Bangi: UKM
- Asian Development Bank. (2012). *Indonesia-Malaysia-Thailand growth triangle: Implementation blueprint 2012-2016*. Manila: ADB.
- Development of the Five Southern Border Provinces Special Zone. (n.d.). *Inside Thailand Review*. Dicapai daripada from <http://thailand.prd.go.th/>.
- ECER. (n.d.). *Tourism: cross border*. Dicapai daripada <http://www.ecerd.com.my/>.
- Endi H., & Ratnawati Y. S. (2012). Keadaan sosio-ekonomi sempadan Indonesia-Malaysia dalam laporan akhbar Kompas 2008-2012. *GEOGRAFIA Malaysia Journal of Society and Space*, 8 (4), 1-11.

Fauzi, H., Norehan, A., Husin, A., & Selamah, M. (2013). *Aktiviti ekonomi sempadan di perairan Sg. Golok-Rantau Panjang: Isu dan cabaran*. Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia. Bangi: UKM

Johan, A.I. dan Mohamad, A. (2010). *Pelancongan sempadan: potensi dan cabaran*. Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia. Bangi: UKM.

JPBD Kelantan (2008). *Rancangan Tempatan Jajahan Pasir Mas, 2008 - 2020*. Kota Bharu: JPBD Kelantan.

Kebakaran di Rantau Panjang kerugian RM2 juta (8 Januari 2014). *Utusan Malaysia*. Dicapai daripada <http://www.utusan.com.my/>.

KL, Bangkok kenal pasti enam bidang berpotensi (21 Februari 2012). *Berita Harian*. Dicapai daripada www.bharian.com.my/.

Letupan bom: Tiga rakyat Malaysia terbunuh di Sg Golok (17 September 2011). *Malaysiakini*. Dicapai daripada <http://www.malaysiakini.com/>.

Majlis Daerah Pasir Mas (2008). *Rancangan tempatan Jajahan Pasir Mas, 2008 - 2020*. Pasir Mas: MDPM.

Malaysia-Thailand tandatangan perjanjian lintas batas. (1 Mac 2013). *Utusan Malaysia*. Dicapai daripada <http://www.utusan.com.my/>

Mat Som, A.P., Mohamed, B. & Wong, K.Y. (2005). *Tourism and political boundaries: border markets as tourist attractions*. Kertas kerja yang dibentangkan di 1st International Conference on Challenges of Regional and Market Integration for Tourist Destinations, Giza, Egypt, 14-16 November.

Narathiwat National Statistical Office (2011). *Provincial statistical report 2011*.

Narathiwat: NSO.

National News Bureau of Thailand (2013). *Action plan on southern border provinces development*. Dicapai daripada <http://thainews.prd.go.th/>

Noor Rahamah , A.B. , Mohd. Yusof , A., Abd. Hair, A., Junaenah, S. & Ong P. L. (2012). *GEOGRAFIA Malaysia Journal of Society and Space*. 8 (8), 81 - 85.

Nurul, B., Evan, L., & Shazali (2012). Long run sustainability of Sarawak-West Kalimantan cross border trade. *The Journal of Developing Areas*. 46 (1).

Population Information Centre, College of Population Studies, Chulalongkorn University (2011), *Thailand population data sheet*. Dicapai daripada <http://www.cps.chula.ac.th/>.

Rantau Panjang lengang (28 September 2011). *Berita Harian*. Dicapai daripada <http://berita.cari.com.my/>.

Rabiatul Adawiyah (12 Januari 2012). *Denda RM10,000 masuk Munduk melalui pangkalan haram*. Dicapai dari detikperubahan.com/.

Ramli, D. & Ahmad, M. M. (2007). Perdagangan tukar barang Malaysia-Indonesia: Potensi dan cabaran. *Jati*, 12 (Dis.).

Rantau Panjang lengang (28 September 2011). *Berita Harian*. Dicapai daripada <http://berita.cari.com.my/>.

Saru Arifin, SH (2012). Trans border cooperation between Indonesia-Malaysia and its implication to the border development. *International Journal of Business, Economics and Law*, 1, 85-90.

Sg. Kolok (tiada tarikh). Dicapai daripada <http://www.wikipedia.org>.

Six people injured in bomb explosion in Sg. Golok. (18 May 2013). New Straits Times. Dicapai daripada www.nst.com.my/.

Special economic zone proposed for 3 southern border provinces (2012, July 23).

Pattaya Mail. Dicapai daripada <http://www.pattayamail.com/>.

Sumber ekonomi sempadan. (10 Jun 2013). *Kosmo.* Dicapai daripada <http://www.kosmo.com.my/>.

Thailand identify six areas to enhance cooperation (2012, February 12). *Bernama.* Dicapai daripada <http://www.bernama.com/>.

Thirunaukarasu S., Evelyn S.D., & Sivachandralingam, S. (2013). Cross-border shopping: examining motivations from the perspective of Bruneian visitors in Limbang, Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia.* 47(1), 21 – 30.

UPEN Kelantan (2011). *Laporan ekonomi negeri Kelantan 2010-11.* Kota Bharu: UPEN Kelantan.